

# GREAT Flexi Wealth[1]

Suatu penyelesaian bagi meningkatkan simpanan anda

Great Eastern
A member of the OCBC Group

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

[1] Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

# Suatu penyelesaian bagi meningkatkan simpanan anda

Ingin mengetahui cara untuk meningkatkan simpanan anda? Biarkan simpanan anda berkembang dengan GREAT Flexi Wealth, pelan universal life dengan tempoh pembayaran premium selama 5 atau 10 tahun dan perlindungan selama 20 tahun.

Dengan pembayaran tunai dijamin tahunan dan perlindungan bagi kematian atau hilang upaya dan kekal, pelan ini membantu anda mencapai aspirasi kewangan selain memberi jaminan kepada orang tersayang bahawa anda dilindungi dalam apa jua keadaan. Pelan ini dapat mendekatkan anda dengan impian yang diinginkan untuk diri sendiri dan orang tersayang.

# Manfaat sepintas lalu



**Komitmen kewangan singkat, tempoh pembayaran premium terhad**



**Pendaftaran yang mudah tanpa taja jamin perubatan**



**Pembayaran Tunai Dijamin tahunan (GCP)**



**Perlindungan bagi kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)**



**Perlindungan dua atau tiga kali ganda untuk kematian akibat kemalangan**



**Manfaat matang pada akhir tempoh polisi anda**



**Perlindungan berterusan dengan Jaminan Tidak Luput**

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Komitmen kewangan singkat, tempoh pembayaran premium terhad

Dengan GREAT Flexi Wealth, anda boleh memilih tempoh pembayaran premium sama ada 5 atau 10 tahun dan menikmati perlindungan selama 20 tahun. Fleksibiliti ini membolehkan anda memilih pelan yang sesuai dengan kemampuan dan komitmen anda.

Premium yang dibayar bagi polisi asas akan diperuntukkan pada Akaun 1 berdasarkan kadar peruntukan bagi tempoh pembayaran premium yang dipilih:

| Tahun Polisi | % daripada Premium Asas* (berdasarkan tempoh pembayaran premium) | |
|---|---|---|
| | 5 tahun | 10 tahun |
| 1 | 50% | 40% |
| 2 | 80% | 45% |
| 3 | 85% | 80% |
| 4 | 92% | 90% |
| 5 | 96% | 90% |
| 6 | - | 90% |
| 7 - 10 | - | 100% |

*Nota:*
** Tidak termasuk sebarang premium pendahuluan yang telah dibayar.*
*Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Pendaftaran yang mudah tanpa taja jamin perubatan

Nikmati pendaftaran yang mudah tanpa sebarang soalan berkaitan kesihatan mahupun pemeriksaan kesihatan.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Pembayaran Tunai Dijamin tahunan (GCP)

Biarkan kewangan anda berkembang dengan manfaat tunai tetap. Pada akhir setiap tahun polisi, suatu peratusan daripada Premium Tahunan Asas* akan dibayar kepada anda melalui Pembayaran Tunai Dijamin (GCP), dengan syarat semua premium dan faedah bagi premium lampau tempoh, jika ada, bagi tahun masing-masing telah dibayar. Manfaat tunai ini akan dibayar sehingga kematian, TPD, serahan atau polisi matang, mana yang berlaku dahulu. Anda boleh memilih untuk mengeluarkan manfaat ini atau meninggalkannya dalam simpanan Syarikat untuk dilabur semula dalam Akaun 2 dan mungkin berpotensi untuk ditingkatkan.

Pembayaran Tunai Dijamin akan dibayar seperti berikut:

| Akhir Tahun Polisi | % Premium Tahunan Asas* (berdasarkan tempoh pembayaran premium) | |
|---|---|---|
| | 5 tahun | 10 tahun |
| 1 - 10 | 11% | 17% |
| 11 - Matang | 20% | 33% |
| **Jumlah** | **310%** | **500%** |

*Nota:*
** Tidak termasuk sebarang premium pendahuluan yang telah dibayar.*
*Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Perlindungan bagi kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)

Dengan GREAT Flexi Wealth, anda dan orang tersayang dilindungi daripada keadaan di luar jangkaan. Sekiranya:

- Kematian bukan akibat kemalangan; atau
- TPD akibat semua sebab yang berlaku sebelum ulang tahun polisi pada umur 70 hari jadi berikut,

i. mana yang paling tinggi:
   - Jumlah Asurans Semasa seperti dinyatakan di bawah:

| Tahun Polisi | Jumlah Asurans Semasa (% daripada Premium Asas* Keseluruhan yang dibayar) ditolak GCP Keseluruhan yang dibayar |
|---|---|
| 1 - 2 | 100% |
| 3 - Matang | 105% |

   atau
   - Nilai Akaun 1; dan

ii. sebarang Nilai Akaun 2

*Nota:*
** Tidak termasuk sebarang premium pendahuluan yang telah dibayar.*
*Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Perlindungan dua atau tiga kali ganda untuk kematian akibat kemalangan

Tiada siapa tahu apa yang mungkin berlaku pada hari esok. Namun, dengan GREAT Flexi Wealth, orang tersayang anda akan mempunyai jaminan bahawa anda dilindungi, sekiranya kematian akibat kemalangan berlaku.

ika perkara tersebut berlaku, GREAT Flexi Wealth akan membayar manfaat seperti di bawah:

i. mana yang paling tinggi:
- Jumlah Asurans Semasa seperti dinyatakan di bawah;

<table>
<tr><th rowspan="3">Tahun Polisi</th><th colspan="2">Jumlah Asurans Semasa (% daripada Premium Asas* Keseluruhan yang dibayar) ditolak GCP Keseluruhan yang dibayar</th></tr>
<tr><th colspan="2">Sebelum ulang tahun polisi pada umur 65 tahun hari jadi berikut yang dicapai</th></tr>
<tr><th>Kematian Akibat Kemalangan</th><th>Kematian Akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam**)</th></tr>
<tr><td>1 - 2</td><td rowspan="2">210%</td><td rowspan="2">315%</td></tr>
<tr><td>3 - Matang</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th rowspan="3">Tahun Polisi</th><th colspan="2">Jumlah Asurans Semasa (% daripada Premium Asas* Keseluruhan yang dibayar) ditolak GCP Keseluruhan yang dibayar</th></tr>
<tr><th colspan="2">Pada atau selepas ulang tahun polisi pada pada umur 65 tahun hari jadi berikut yang dicapai</th></tr>
<tr><th>Kematian Akibat Kemalangan</th><th>Kematian Akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam**)</th></tr>
<tr><td>1 - 2</td><td colspan="2">100%</td></tr>
<tr><td>3 - Matang</td><td colspan="2">105%</td></tr>
</table>

*** Kematian akibat kemalangan bagi hayat yang diasuranskan yang berlaku semasa berada dalam pengangkutan awam (selain daripada kereta kabel, teksi, kereta sewa atau sebarang jenis pengangkutan sewa untuk kegunaan peribadi); atau sebagai penumpang dalam lif atau lif elektrik; atau akibat kebakaran sebarang teater, pawagam, hotel atau bangunan awam lain yang mana hayat yang diasuranskan berada di situ semasa kebakaran bermula,*

atau
- Nilai Akaun 1; dan

ii. sebarang Nilai Akaun 2

*Nota:*
** Tidak termasuk sebarang premium pendahuluan yang telah dibayar.*
*Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Manfaat matang pada akhir tempoh polisi anda

Apabila polisi matang, anda akan menerima bayaran sekali gus bersamaan dengan:

i. mana yang lebih tinggi:
- (105% daripada Premium Tahunan Asas* keseluruhan yang telah dibayar), ditolak Pembayaran Tunai Dijamin keseluruhan yang telah dibayar; atau
- Nilai Akaun 1; dan

ii. sebarang Nilai Akaun 2

Jika terdapat sebarang premium dan faedah bagi premium lampau tempoh yang belum dibayar semasa matang, hanya Nilai Akaun 1 dan Nilai Akaun 2 (jika ada), akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

*Nota:*
** Tidak termasuk sebarang premium pendahuluan yang telah dibayar.*
*Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Apakah potensi wang untuk meningkat dalam tempoh 20 tahun?



**Lelaki**
**Tidak Merokok**
**35 Tahun Hari Jadi Berikut**

Premium tahunan yang anda bayar = RM10,000

**Tahun 1** → **Tahun 5**

**Premium Keseluruhan yang telah Dibayar = RM50,000**

### Senario X




*Nota:*

- *Unjuran manfaat untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak digambarkan berdasarkan mana-mana skala. Ilustrasi di atas berdasarkan Senario X (diandaikan unjuran kadar pulangan 2% untuk semua tahun). Kadar pulangan sebenar TIDAK DIJAMIN dan prestasi pelaburan lepas bukanlah petunjuk bagi prestasi pada masa depan. Diandaikan bahawa hayat yang diasuranskan memutuskan untuk menerima GCP pada setiap tahun.*
- *Sila rujuk ilustrasi jualan untuk keterangan lanjut.*
- *Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Apakah potensi wang untuk meningkat dalam tempoh 20 tahun?



**Lelaki**
**Tidak Merokok**
**35 Tahun Hari Jadi Berikut**

Premium tahunan yang anda bayar = RM10,000

**Tahun 1** → **Tahun 5**

**Premium Keseluruhan yang telah Dibayar = RM50,000**

### Senario Y




*Nota:*

- *Unjuran manfaat untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak digambarkan berdasarkan mana-mana skala. Ilustrasi di atas berdasarkan Senario Y (diandaikan unjuran kadar pulangan 5% untuk semua tahun). Kadar pulangan sebenar TIDAK DIJAMIN dan prestasi pelaburan lepas bukanlah petunjuk bagi prestasi pada masa depan. Diandaikan bahawa hayat yang diasuranskan memutuskan untuk menerima GCP pada setiap tahun.*
- *Sila rujuk ilustrasi jualan untuk keterangan lanjut.*
- *Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Perlindungan berterusan dengan Jaminan Tidak Luput

GREAT Flexi Wealth mempunyai 'Jaminan Tidak Luput'. Ciri ini memastikan polisi anda terus berkuat kuasa walaupun Nilai Akaun 1 dan Nilai Akaun 2 (jika ada), menjadi sifar, dengan syarat semua premium tetap yang perlu dibayar dan faedah bagi premium lampau tempoh dibayar sehingga terkini.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*

# Soalan lazim

**S: Siapakah yang boleh memohon?**

J: Umur kemasukan minimum ialah mencapai umur 30 hari dan umur kemasukan maksimum ialah 70 tahun hari jadi berikut.

**S: Berapakah Premium Tahunan Asas minimum dan maksimum untuk pelan ini?**

J:

| Tempoh Pembayaran Premium | 5 tahun | 10 tahun |
|---|---|---|
| Minimum | RM6,000 | RM3,600 |
| Maksimum | RM150,000 | |

**S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?**

J: Manfaat tidak akan dibayar di bawah keadaan berikut:

- Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- TPD disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- TPD sedia wujud sebelum Tarikh Permulaan Risiko polisi atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian.
- Manfaat kematian akibat kemalangan* jika kematian hayat yang diasuranskan tidak berlaku dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan.

** Syarikat hanya akan membayar manfaat berdasarkan kematian bukan akibat kemalangan.*

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

**S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran?**

J: Anda boleh bayar menggunakan kad kredit, JomPAY, perbankan internet, GIRO, ePay, atau Bank berkenaan (melalui kaunter, ATM & mesin deposit cek). Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Namun, pembayaran cek tidak dibenarkan bagi pembayaran secara bulanan.

**S: Berapakah yuran dan caj semasa?**

J: Caj insurans akan ditolak secara bulanan daripada Akaun 1 pada setiap tarikh perlu dibayar berdasarkan Jumlah Asurans Bersih^. Caj insurans mungkin berbeza mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai, jantina dan status merokok, mana yang berkenaan. Caj insurans akan meningkat apabila umur anda meningkat.

^ Jumlah Asurans Bersih = Jumlah Asurans Semasa - Nilai Akaun 1, tertakluk pada minimum sifar

Caj serahan akan dikenakan pada Akaun 1 apabila polisi asas diserahkan atau ke atas nilai serahan sebahagian daripada Akaun 1 apabila premium asas dikurangkan.

| Tahun Polisi | Caj Serahan (% Amaun Serahan daripada Nilai Akaun 1) |
|---|---|
| 1 | 10% |
| 2 | 9% |
| 3 | 8% |
| 4 | 7% |
| 5 | 6% |
| 6 | 5% |
| 7 | 4% |
| 8 | 3% |
| 9 | 2% |
| 10 | 1% |
| Selanjutnya | 0% |

Yuran polisi bulanan sebanyak RM7.00 akan ditolak secara bulanan daripada Akaun 1 pada permulaan setiap bulan polisi.

Caj pengurusan dana sebanyak 0.5% setahun.

Caj tambahan sebanyak 0.4% setahun.

*Nota:*

*i. Levi yuran dan caj mungkin berubah dari semasa ke semasa.*

*ii. Jika Nilai Akaun 1 tidak mencukupi untuk menolak caj insurans dan yuran polisi, yuran polisi dan caj insurans yang tidak dibayar akan terkumpul dan ditolak semasa:*

- *pembayaran premium; atau*
- *serahan sebahagian atau penuh bagi Akaun 1; atau*
- *serahan penuh bagi Akaun 2 (jika ada); atau*
- *sebarang pembayaran manfaat atau hasil tuntutan yang dibenarkan bawah polisi ini.*

**S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?**

J: Manfaat yang diterima daripada GREAT Flexi Wealth tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

# Notis penting

GREAT Flexi Wealth ialah pelan universal life dengan bayaran terhad berserta tempoh perlindungan selama 20 tahun tanpa penyertaan dalam keuntungan. **Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Premium hendaklah dibayar sehingga akhir tempoh pembayaran premium atau sehingga kematian atau TPD berlaku atau penamatan polisi, mana yang berlaku dahulu. Premium akan kekal sama sepanjang tempoh pembayaran premium, namun, yuran dan caj tidak dijamin dan Syarikat mungkin menyemak semula caj pada ulang tahun polisi dengan memberi notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada Syarikat dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan dengan:

a. Nilai Akaun 1; dan
b. premium yang tidak diperuntukkan untuk polisi ini; dan
c. penolakan caj seperti caj insurans dan yuran polisi; dan
d. Nilai Akaun 2 (jika ada); dan

Jika anda menyerahkan polisi lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar. Polisi akan kekal berkuat kuasa walaupun anda tidak membayar premium selepas tempoh tenggang selama 30 hari selagi terdapat nilai yang mencukupi dalam Akaun 1 dan Akaun 2 untuk membayar caj insurans dan yuran polisi. Sebarang premium yang dibayar selepas tempoh tenggang tidak layak menerima pulangan kredit yang telah ditentukan sebelum bayaran tersebut dilakukan. Ia akan dikenakan faedah bagi premium lampau tempoh pada kadar yang akan ditentukan Syarikat dari semasa ke semasa. Kadar faedah semasa boleh didapati pada laman sesawang rasmi Syarikat. Faedah akan dikenakan daripada tarikh premium perlu dibayar dan tidak akan diperuntukkan pada Akaun 1 dan Akaun 2 (jika ada). Polisi mungkin luput jika anda gagal membayar premium dan caj yang diperlukan melebihi nilai dalam Akaun 1 dan Akaun 2 (jika ada).

Pulangan kredit dikira berdasarkan kadar kredit. Kadar kredit sebenar adalah **TIDAK DIJAMIN dan akan turun naik berdasarkan prestasi pelaburan**. Pulangan kredit yang lebih tinggi mungkin dikreditkan jika prestasi pelaburan adalah baik, dan sebaliknya pulangan kredit yang lebih rendah atau negatif mungkin dikreditkan jika prestasi pelaburan adalah buruk. Kadar kredit negatif akan menyebabkan pengurangan Nilai Akaun.

Sebarang amaun premium yang tidak diperuntukkan pada Akaun 1 akan digunakan untuk membayar komisen kepada orang tengah dan perbelanjaan am Syarikat.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pernyataan Dana, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

*Istilah “Great Eastern Life” dan “Syarikat” merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.*

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.**

# PEJABAT CAWANGAN

**Alor Setar**
66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

**Batu Pahat**
109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

**Bintulu**
No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

**Ipoh**
Wisma Great Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

**Johor Bahru**
Wisma Great Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

**Klang**
No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

**Kluang**
No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

**Kota Bharu**
No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

**Kota Kinabalu**
Wisma Great Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

**Kuala Terengganu**
2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

**Kuantan**
A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

**Kuching**
House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

**Lahad Datu**
Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah
Fax: 089-884 226

**Melaka**
No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

**Miri**
Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

**Penang**
25, Light Street
10200 Penang

**Sandakan**
Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

**Seremban**
101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

**Sibu**
No. 10 A-F
Wisma Great Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

**Taiping**
133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

**Tawau**
Ground Floor
Wisma Great Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

## Mencapai Kejayaan

### IBU PEJABAT

**Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)**
Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
**03-4259 8888**
**03-4259 8000**
**wecare-my@greateasternlife.com**
**www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.

MCM/GFW/V7/04/2024